



LEMA DALAM PANTUN MELAYU MINANGKABAU

AZYANTEE BINTI MOHD ZAWAWI

FBMK 2016 88



LEMA DALAM PANTUN MELAYU MINANGKABAU

Oleh

AZYANTEE BINTI MOHD ZAWAWI

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti
Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera**

Disember 2016

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sastera

LEMA DALAM PANTUN MELAYU MINANGKABAU

Oleh

AZYANTEE BINTI MOHD ZAWAWI

Disember 2016

Pengerusi : Profesor Madya Noor Aina Bt Dani, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Penyelidikan yang berkaitan dengan Lema Dalam Penghasilan Pertuturan Dengan Nilai Murni Masyarakat Melayu Minangkabau Mengikut Teori Penghasilan Pertuturan Levelt (1999), belum pernah dikaji oleh penyelidik di Malaysia. Dapatan Kajian yang ada hanyalah yang berkaitan dengan analisis komunikasi mengikut output lingkaran luar Teori Penghasilan Tuturan Levelt (2012). Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk mengkaji capaian lema dalam penzahiran pantun masyarakat Melayu Minangkabau. Lema ialah istilah yang digunakan oleh Levelt untuk leksikal. Lokasi kajian yang dipilih ialah Negeri Sembilan. Penyelidik menggunakan kaedah tinjauan lapangan untuk merakam data serta menemu bual informan. Analisis kandungan digunakan untuk menganalisis hasil kajian. Kajian ini berpaksikan tiga objektif iaitu untuk mengenal pasti lema dalam kandungan pantun Melayu Minangkabau. Manakala objektif kajian yang kedua adalah untuk menghuraikan fungsi lema dalam pantun Melayu Minangkabau mengikut Teori Levelt. Dan objektif kajian yang ketiga adalah untuk mengolah semula lema dalam pantun Melayu Minangkabau yang mengandungi nilai murni. Dapatan kajian mendapati bahawa nilai murni yang paling dominan diamalkan dalam kalangan masyarakat Melayu Minangkabau ialah nilai merantau. Hal ini dapat dibuktikan melalui sejarah penghijrahan masyarakat Minangkabau ke Tanah Melayu. Penggunaan Teori Penghasilan Pertuturan Levelt 1999 juga adalah menepati kehendak kajian dalam mengkaji penzahiran pantun Melayu Minangkabau. Data dirakam menggunakan alat rakaman sewaktu informan menzahirkan pantun Melayu Minangkabau. Pengesahan daripada informan juga dilakukan bagi beberapa lema yang tidak difahami oleh pengkaji. Data dan analisis kajian dipersembahkan dalam bentuk huraian. Analisis kajian juga turut dilakukan mengikut aspek Lingkaran Luaran dan Lingkaran Dalaman menurut Teori Penghasilan Pertuturan Levelt. Justeru itu, kajian ini mendapati terdapat perbezaan dalam aspek pertuturan fonetik diantara dialek Melayu Minangkabau dengan Bahasa Melayu walaupun terdapat kemiripan lema diantara keduanya. Hasil kajian ini diharap dapat memberi idea baru dalam kajian terhadap keunikan pantun Melayu Minangkabau terutamanya dari sudut linguistik.

Kata kunci; lema, pantun, Melayu Minangkabau dan nilai

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Master of Art

LEMMA IN MALAY MINANGKABAU POEM

By

AZYANTEE BINTI MOHD ZAWAWI

December 2016

Chairman : Associate Professor Noor Aina Bt Dani, PhD
Faculty : Modern Language and Communication

Research related to Lemma In Speech Production Values With Minangkabau Malay Community Based Theory of Speech Production Minangkabau (1999), have never been studied by researchers in Malaysia. Findings are available only in connection with the analysis of the communication by the outer loop output Levelt Speech Production Theory (2012). Therefore, this study was undertaken with the aim of studying the access entry in disclosure poem Malay Minangkabau society. Lemma is a term used by the lexical Levelt. The selected location is Negeri Sembilan. The researchers used survey methods to record the data and interviewing informants. Content analysis was used to analyze the findings. This study was molded three objectives, namely to identify the entry in the content of the poem Malay Minangkabau. While the second objective of the study is to describe the function entry in Minangkabau Malay poem by Levelt Theory. And the third objective of the study is to reconstruct the entry in Malay poem Minangkabau containing values. Data recorded using a recording device when informant discloses the poem. Confirmation of the informants were also made for some entries that are not understood by researchers. The study found that the dominant values prevailing among the Malay Minangkabau society is the traveling. This can be proved by the history of migration to Malaya Minangkabau society. Use of the Theory of Speech Production Levelt 1999 also meets the requirements of the study is to assess the disclosure of paddy Malay Minangkabau. Data and analysis of the study are presented in the description. The analysis is also done by the Circle of External and Internal ring according to Levelt Theory of Speech Production. Therefore, this study found that there are differences in phonetic aspects of speech between dialect of Malay Minangkabau and Malay Language although there are some similarities between them. The results of this study are expected to provide new ideas in the study of the uniqueness of Malay poetry of Minangkabau especially from the linguistics aspect.

Keywords; lemma, poetry, Malay Minangkabau and values

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

اللهم صلّ على سيّدنا محمّد و على اله و صحبه اجمعين

Alhamdulillah, kertas ilmiah ini selesai ditulis dan dikemaskini oleh hamba Allah yang faqir lagi berdosa pada 2 Ogos 2016. Dengan rasa rendah diri, dimohon beribu kemaafan dan sedalam-dalam terima kasih buat kalian atas bantuan, doa dan titipan kata semangat sepanjang penyempurnaan kertas kerja ilmiah yang penuh kelemahan ini. Teruntuk;

Kekasih yang dirindui, Sayyidil Mustafa □

Ibu, Ramlah Agus atas doa dan ucapan sayang tidak henti.

Suami yang sentiasa memahami kehidupan isteri yang bergelar pelajar.

Guru yang dirahmati Allah SWT, Prof. Madya Dr. Noor Aina Dani, atas kesabaran dalam memberi bimbingan sepanjang tempoh menyiapkan kertas ilmiah ini.

Sahabat yang senantiasa disamping dalam sukar dan senang.

Saudara-saudara seagama yang dimuliakan.

Mudah-mudahan penulisan ini menjadi asbab rahmat untuk sekalian yang mengambil manfaat dan menjadi asbab dikumpulkan kita semua dalam kebaikan di dunia dan akhirat.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master Sastera. Ahli-ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut

Noor Aina Binti Dani, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Adi Yasran Bin Abdul Aziz, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Ijazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan Pelajar Siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____

Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Azyantee Binti Mohd Zawawi (GS31451)

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan di bawah Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan : _____
Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan : Profesor Madya Dr. Noor Aina Binti Dani

Tandatangan : _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan : Profesor Madya Dr. Adi Yasran Bin Abdul Aziz

ISI KANDUNGAN

	Muka surat
ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	iv
PERAKUAN	vi
SENARAI RAJAH	x
BAB	
1 PENDAHULUAN	1
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.1.1 Latar Belakang Masyarakat Minangkabau	1
1.1.2 Pantun Dalam Masyarakat Melayu	6
1.2 Pernyataan Masalah	7
1.3 Objektif Kajian	8
1.4 Kepentingan Kajian	8
1.5 Batasan Kajian	10
1.6 Definisi Operasional	10
1.6.1 Lema	10
1.6.2 Pantun Melayu Minangkabau	11
1.6.3 Melayu Minangkabau	11
1.6.4 Teori Penghasilan Pertuturan Levelt	11
1.6.5 Nilai Murni	11
1.7 Kesimpulan	12
2 SOROTAN KAJIAN	13
2.1 Pengenalan	13
2.2 Sorotan Umum Tentang Masyarakat Melayu Minangkabau	13
2.3 Kajian Tentang Teori Penghasilan Pertuturan Levelt	17
2.4 Kajian Khusus Tentang Bahasa Minangkabau	18
2.5 Kajian Tentang Pantun Masyarakat Melayu Minangkabau	21
2.6 Kajian Tentang Nilai Murni	22
2.7 Kesimpulan	24
3 METODOLOGI KAJIAN	25
3.1 Pengenalan	25
3.2 Reka Bentuk Kajian	25
3.2.1 Teori Penghasilan Pertuturan Levelt 1999	25
3.2.2 Lingkaran Luaran	27
3.2.3 Lingkaran Dalaman	28
3.3 Kerangka Konsepsi	30
3.4 Tempat Kajian	30
3.5 Populasi Dan Pensampelan	31
3.6 Kaedah Kajian	31

	3.6.1	Kaedah Tinjauan	31
	3.6.2	Kaedah Analisis Kandungan	32
	3.6.3	Kaedah Kepustakaan	32
3.7		Pengumpulan Data	32
3.8		Pembolehkan Kajian	33
	3.8.1	Pembolehkan Bebas	33
	3.8.2	Pembolehkan Bersandar	34
3.9		Alat Kajian	34
3.10		Kesahan Dan Kebolehpercayaan Alat Kajian	34
3.11		Tatacara Kajian	34
	3.11.1	Kajian Rintis	34
	3.11.2	Kajian Sebenar	35
3.12		Penganalisan Data	35
3.13		Kesimpulan	35
4		KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN	36
	4.1	Pengenalan	36
	4.2	Perbezaan Lema dalam Kandungan Pantun Melayu Minangkabau	36
	4.3	Menghuraikan Fungsi Lema dalam Pantun Melayu Minangkabau Mengikut Analisis Teori Penghasilan Pertuturan Levelt	65
		4.3.1 Lingkaran Luaran	65
		4.3.2 Lingkaran Dalaman	68
	4.4	Mengolah Semula Lema dalam Pantun Melayu Minangkabau	69
	4.5	Kesimpulan	72
5		RUMUSAN DAN CADANGAN	73
	5.1	Pengenalan	73
	5.2	Rumusan	73
		5.2.1 Objektif 1	73
		5.2.2 Objektif 2	73
		5.2.3 Objektif 3	73
	5.3	Rasional Teori	74
	5.4	Implikasi Kajian	74
		5.4.1 Kepentingan Melestarikan Pantun Melayu Minangkabau	74
	5.5	Cadangan	76
	5.6	Cadangan Penyelidikan Lanjutan	76
	5.7	Kesimpulan	77
		RUJUKAN	78
		LAMPIRAN	80
		BIODATA PELAJAR	86
		SENARAI PENERBITAN	87

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka surat
1.1	Perlambangan Homofon (Sumber: A. Roelofs Et Al. 1988: 221)	2
1.2	Bahasa Minangkabau Dalam Kelompok Austronesia Barat (Sumber: Keraf, 1984 (206-209)	3
2.1	Asal-Usul Bahasa Minangkabau (Sumber: Amat Juhari Moain, 2002)	17
3.1	Teori Penghasilan Pertuturan Levelt (Sumber: Levelt, 1999)	26
3.2	Lingkaran Luaran (Sumber: Levelt, 1999)	27
3.3	Lingkaran Dalaman (Sumber: Levelt, 1999)	29
3.4	Kerangka Konsepsi	30
4.1	Lingkaran Dalaman (Sumber: Levelt, 1999)	65
4.2	Lingkaran Luaran (Sumber: Levelt, 1999)	68

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang Kajian

1.1.1 Latar Belakang Masyarakat Minangkabau

Dalam akses leksikal, penutur memanfaatkan pengetahuan tentang perkataan yang disimpan. Maklumat yang disimpan ini terdiri daripada makna perkataan dan sifat sintaksis (seperti golongan kata, ciri-ciri sub kategori untuk kata kerja dan kata nama berasaskan gender), dan maklumat mengenai struktur morfologi dan bentuk fonologi. Pandangan yang diterima berpendapat bahawa akses leksikal terdiri daripada dua langkah utama, iaitu yang sepadan dengan penggubalan/formulasi tahap pengekodan sintaksis dan tahap pengekodan morfofonologi. Dalam langkah pertama, yang sering dipanggil capaian lema, makna dan sifat sintaksis sesuatu perkataan didapatkan semula dari ingatan. Dalam langkah kedua, maklumat tentang bentuk morfofonologi perkataan sering dipanggil leksem, didapatkan semula. Morfofonologi menelaah perubahan fonem akibat penemuan atau hubungan morfem dengan morfem yang lain. (Levelt, 1989; Reolofs, 1997).


Perbezaan di antara penggubalan atau formulasi tahap sintaksis dan morfofonologi pertama kali dicadangkan oleh Garret (1975) untuk mengambil kira ciri-ciri tertentu kesilapan pertuturan. Teori Garret belum memasukkan perbezaan lema atau leksem yang diperkenalkan oleh Kempen dan rakan-rakan. (Kempen dan Hoenkamp, 1987).

Secara teori, entri leksikal lema menetapkan makna sifat sintaksis perkataan, dan leksem menentukan sifat morfofonologi. Perbezaan lema atau leksem memainkan peranan penting dalam teori berbahasa Levelt (1989). Dalam model akses leksikal yang dikemukakan, lema menghubungkan makna perkataan dan ciri sintaksis, manakala leksem terdiri daripada morfologi dan fonologi perkataan. Yang penting, tiada penentuan tentang penyebutan Lema, juga tiada penentuan makna dan sintaksis tentang leksem. (Lihat Rajah 1)

conceptual/
semantic

Lemma

Lexeme



Rajah 1.1: Perlambangan homofon


[Sumber: A. Roelofs et al. 1998: 221]

Model kami berpendapat bahawa semasa capaian lema, ciri sintaksis sesuatu perkataan didapatkan semula dari ingatan, dan parameter abstrak morfosintaksis yang diperlukan untuk pengekodan tatabahasa disediakan. Sebagai contoh, lema tentang kata 'papan hitam' menentukan bahawa perkataan itu ialah kata nama. Lema yang terdiri daripada kata nama boleh ditetapkan untuk parameter abstrak morfosintaksis nombor. Lema yang terdiri daripada kata kerja boleh ditetapkan sebagai tambahan kepada golongan kata dengan jenis hujah (misalnya, objek langsung dan tidak langsung) yang diambil oleh kata kerja itu. Lema mengandungi parameter bebas untuk menentukan ayat (seperti masa ini dan masa lampau), aspek (sempurna atau tidak sempurna), nombor (bentuk tunggal atau jamak), dan orang (pertama, kedua, atau ketiga). Semasa proses pengekodan perkataan-bentuk, lema dan penentuan abstrak morfosintaksis digunakan untuk mendapatkan semula morfem dan segmen (bersama-sama membentuk leksem) yang sesuai dari leksikon minda. Sebagai contoh, untuk lema 'papan hitam' serta parameter tunggal, segmen morfem 'papan' dan 'hitam' didapatkan semula. Perkara yang paling penting untuk perbincangan selanjutnya ialah, kami membezakan antara lema (ditakrifkan sebagai unit sintaksis perkataan) dan morfem (ditakrifkan sebagai unit bentuk perkataan). Morfem sesuatu perkataan dan struktur segmen bersama-sama membentuk leksemnya.

Melayu Minangkabau tergolong dalam kelompok Austronesia. Berdasarkan teori migrasi penduduk, Melayu Minangkabau telah berhijrah ke tenggara dan barat daya, dan berakhir di kepulauan Asia Tenggara, Selatan dan Madagaskar. Sewaktu penghijrahan tersebut, mereka telah membawa bersama bahasa, budaya dan ras untuk diamalkan. Melayu Minangkabau yang tergolong dalam kelompok Austronesia mengikut pola aliran penduduk yang sama. Berdasarkan teori tersebut juga, nenek moyang prasejarah orang Minangkabau telah menetap di barat tengah Sumatera pada akhir gelombang migrasi tersebut.

Dengan itu, mereka membawa bersama bahasa Melayu Polinesia dan budaya yang boleh diasosiasikan dengan masyarakat Melayu Proto dan Deutro yang ada di Tanah Melayu. (Cady, 1964)

Melayu Minangkabau yang tergolong dalam kelompok austronesia termasuk ke dalam Bahasa Hesperonesia dari keluarga Indonesia Barat. Hal ini diutarakan oleh Keraf (1984) seperti yang terdapat dalam rajah yang berikut:



Rajah 1.2: Bahasa Minangkabau dalam Kelompok Austronesia Barat.
[Sumber: Keraf, 1984 (206-209)]

Sebelum kedatangan Islam, Minangkabau tidak mempunyai sebarang bentuk tulisan kerana mereka buta huruf. Jiran terdekat mereka, iaitu kaum Batak dan Rejang-Lepong telah mempunyai bentuk tulisan mereka yang tersendiri dan sangat mirip antara satu sama lain. Tulisan tersebut dikenali sebagai tulisan *Rencong* (Marsden, 1881). Kesimpulannya nenek moyang orang Minangkabau datang terkemudian daripada orang-orang Batak dan orang-orang Rejang-Lepong di Sumatera Selatan. Pendapat ini adalah berdasarkan kajian tentang penyebaran bahasa-bahasa di Indonesia.

Dalam hampir kesemua majlis-majlis keramaian seperti perkahwinan, membina rumah baharu atau pertabalan ketua baharu, ucapan istiadat yang disampaikan oleh ketua-ketua adat dan suku dizahirkan dengan menggunakan bahasa yang berbunga-bunga. Penzahiran bahasa berbunga mengandungi pepatah, petiti dan perbilangan yang mengingatkan masyarakat tersebut tentang asal-usul mereka. Setelah kedatangan agama Hindu, Buddha dan Islam memberi pendedahan kepada masyarakat Minangkabau untuk belajar menulis dan membaca skrip bahasa Arab. Sehubungan dengan itu, tradisi lisan masyarakat Minangkabau dapat didokumentasi dalam bentuk *tambo*, iaitu karya sastera sejarah yang merakam kisah legenda yang berkaitan dengan asal usul suku bangsa, negeri, tradisi dan alam Minangkabau. Tambo Minangkabau ditulis dalam bahasa Melayu yang berbentuk prosa (Djamaris, 1991).

Kebanyakan daripada bahagian 'sejarah' Minangkabau sama ada dalam bentuk mitos atau lagenda telah diubahsuai sejajar dengan kehendak persekitaran baharu. Tradisi lisan masyarakat Minangkabau sedikit sebanyak memberi gambaran tentang asal usul masyarakat dan masih boleh dijadikan dasar kepada andaian yang sememangnya sukar untuk dibuktikan sebagai fakta sejarah yang tepat. Kebanyakan tambo masyarakat Minangkabau memperkatakan kehebatan asal-usul nenek moyang mereka yang dikatakan berasal dari puncak Gunung Merapi apabila gunung itu masih sebesar telur (Navis, 1984).

Penghijrahan orang Melayu Minangkabau pada zaman keagungan empayar Melayu Melaka membawa bersamaamalan kebudayaan mereka yang sekali gus telah merubah aspek kehidupan penduduk asal Negeri Sembilan. Kehidupan masyarakat Minangkabau adalah bertunjangkan aktiviti bersawah. Tradisi masyarakat Melayu Negeri Sembilan mengamalkan suatu sistem sosioekonomi yang bercorak pemilikan secara bersama. Sistem ini dipercayai diamalkan setelah kedatangan orang-orang Minangkabau, Sumatera. Tradisi ini mengamalkan prinsip keturunan nasab ibu dan dikenali sebagai Adat Perpatih. Kedatangan dan penempatan orang-orang Minangkabau secara tidak langsung membawa tradisi kebudayaan yang akhirnya menjadi amalan turun-temurun masyarakat Melayu di Negeri Sembilan (Mohd Rosli Saludin, 2009)

Dalam tempoh masa yang begitu lama, pelbagai perubahan telah berlaku dan pelbagai aspek kebudayaan masyarakat Minangkabau diserap masuk dan diamalkan oleh masyarakat Melayu di Negeri Sembilan, seperti terombo adat,

pepatah-petitih, bidalan, mamang, pantun dan gurindam. Setelah timbulnya sistem tulisan, aspek kesenian masyarakat Minangkabau telah didokumentasikan dalam bentuk buku direkodkan (Zuraiti, 2007).

Nilai masyarakat Minangkabau banyak digarap dalam puisi masyarakat Minangkabau, sama ada adat atau ajaran agama. Dalam proses perkembangan sesuatu budaya, perlu diakui bahawa kemasukan unsur budaya asing melalui pelbagai cara antaranya budaya Barat. Pengaruh melalui media cetak dan media elektronik seperti televisyen, radio, iklan, berita dan penerbitan bahan bacaan secara tidak langsung membawa pengaruh kepada aspek nilai sesuatu masyarakat. Suntikan sikap dan nilai baru memberi kesan dalam hampir keseluruhan aspek kehidupan masyarakat. Hal ini jelas dapat dilihat menerusi perbilangan adat di bawah:

*Nan elok dipakai,
Nan buruk dibuang,
Usang-usang diperbaharui,
Lapuk-lapuk dikajangi,
Melihat contoh yang sudah,
Melihat tuah pada yang menang.*

Norhalim Hj. Ibrahim, 1993: 154

Melihat kepada perbilangan di atas, lema 'dipakai' membawa maksud bahawa sesuatu nilai atau amalan yang baik perlulah diamalkan. Manakala lema 'dibuang' pula membawa maksud sesuatu nilai dan amalan yang tidak sesuai atau bercanggah dengan ajaran Islam perlulah 'dibuang'. Nilai dan amalan bertentangan dengan norma masyarakat perlu dihindarkan demi memastikan kesejahteraan hidup bermasyarakat. Dan lema 'perbaharui' membawa maksud nilai atau amalan yang bersesuaian dan boleh ditambah baik masih boleh diamalkan. Hal ini bermakna, dengan adanya pendedahan tentang ajaran Islam, nilai dan amalan terdahulu boleh diperbaharu agar tidak bertentangan dengan ajaran Islam dan seterusnya masih boleh diamalkan dalam kalangan masyarakat.

Justeru, tidak hairan jika masa kini kebanyakan adat pepatih tersebut berubah seiring dengan peredaran masa. Generasi muda berpegang kepada pepatah bahawa "*nan buruk dibuang*" (yang buruk dibuang), yang bererti adat yang lama yang tidak sesuai dipraktikkan boleh diabaikan. Oleh yang demikian, pemakain sesuatu adat dan budaya sesuatu masyarakat hendaklah sesuai dengan peredaran masa. Justeru, warisan nilai budaya sesuatu masyarakat haruslah dikekalkan namun perlulah bersesuaian dengan perkembangan zaman dan tidak bercanggah dengan ajaran Islam. Ia juga harus dikekalkan agar kekal menjadi identiti tersendiri masyarakat. Keadaan ini dapat dilihat menerusi amalan adat yang berbeza antara generasi kini dengan yang terdahulu.

1.1.2 Pantun Dalam Masyarakat Melayu

Pantun merupakan salah satu bentuk puisi Melayu lama yang diwarisi sejak zaman lampau tetapi tidak diketahui tarikh sebenar kewujudannya. Namun, pantun merupakan satu daripada bentuk puisi lisan tradisional yang masih kekal digunakan sehingga kini. Menurut Za'ba (1965), pantun merupakan karangan berangkap (puisi) kepunyaan masyarakat Melayu lama. Pantun digunakan di kampung-kampung untuk menggambarkan fikiran hiba sayu dan gambaran perasaan yang indah-indah, seperti berkasih sayang dan pujuk rayu yang lemah lembut antara pasangan kekasih.

Pantun dikatakan wujud sejak zaman kerajaan Melaka dan catatan tentangnya terdapat dalam teks Sejarah Melayu, hikayat lama dan dalam Hikayat Asyik kepada Masyuk. Menurut Za'ba (1965), perkataan "pantun" digunakan pada peringkat awal dengan makna "seperti" atau "umpama" tetapi maksudnya diolah sehingga digunakan untuk merujuk kepada bentuk puisi seperti yang terdapat dalam bentuknya sekarang.

Pantun yang dizahirkan dalam masyarakat Melayu Minangkabau mengandungi nilai murni yang bertujuan untuk mendidik ahli masyarakat. Walaubagaimanapun, seiring dengan peredaran masa hanya segelintir masyarakat Melayu Minangkabau yang masih tahu dan menghayati pantun tradisi. Usaha untuk melestarikan pantun Melayu Minangkabau juga banyak dilakukan oleh pengkaji terdahulu dan telah didokumentasikan kerana golongan yang menghayati seni tradisi ini hanya terbatas kepada golongan tua. Hal ini demikian kerana hanya golongan tua yang mengerti dan mahu menghayati pantun.

Menurut pendapat Darwis Harahap (2005), usaha mendokumentasikan buku pantun Minang merupakan satu keajaiban. Beliau melihat banyak pantun yang membawa mesej petunjuk kehidupan dan sesuai dengan ajaran agama Islam sedangkan pantun Minangkabau sudah diamalkan sebelum datangnya Islam. Seiring dengan perjalanan waktu dan perubahan zaman, masyarakat Minangkabau mendapat mukjizat dengan memeluk agama Islam sehingga adat yang merupakan peraturan hidup yang tidak bertulis mengacu kepada agama Islam. Peraturan hidup dijemakan dalam puisi yang berbunyi "*Adaik basandi syarak, syaraka basandi kitabullah*" (Adat bersendi syarak, syarak bersendi Kitabullah). Selain itu, masyarakat Minangkabau terdahulu juga lebih banyak belajar dari alam sebagaimana yang terungkap dalam falsafah adat Minangkabau, "*Alam takambang jadi guru*" (Alam terkembang jadi guru). Falsafah tersebut melambangkan cara hidup masyarakat Melayu Minangkabau yang menjadikan alam semesta sebagai guru atau teladan.

1.2 Penyataan Masalah

Penyelidikan yang berkaitan dengan Lema dalam Pantun Melayu Minangkabau mengikut Analisis Teori Penghasilan Pertuturan Levelt masih kurang dilakukan oleh penyelidik di Malaysia. Tidak ada kajian yang melihat pantun Melayu Minangkabau secara khusus dari aspek lema dalam pantun. Dapatan Kajian yang ada hanyalah yang berkaitan dengan analisis komunikasi mengikut output lingkaran luar Teori Penghasilan Tuturan Levelt (2012). Menelusuri sejarah atau asal-usul nama Minangkabau, memetik pendapat H. Idroes Hakimi (1997), Minangkabau adalah nama suatu suku bangsa, nama suatu kebudayaan sebagai satu hasil karya, cipta, karsa, daya dan upaya suku bangsa itu untuk memenuhi keperluan material dan non material dalam satu wilayah yang bernama Minangkabau.

Jika dilihat secara dasar, pantun Melayu Minangkabau tidak mempunyai perbezaan dengan pantun Melayu. Namun begitu, jika dianalisis secara rinci, terdapat perbezaan dalam aspek lema dalam kandungan pantun Melayu Minangkabau. Namun begitu, kajian yang rinci harus dilakukan bagi mengenal pasti perbezaan lema yang terdapat dalam kandungan pantun Melayu Minangkabau.

Banyak kajian dan pengumpulan telah dilakukan ke atas puisi-puisi masyarakat Melayu di Negeri Sembilan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dalam buku yang bertajuk Warisan Puisi Melayu dan telah terdapat perbincangan tentangnya dalam beberapa makalah oleh Mohd. Taib Osman (1979). Selain itu, pengumpulan pantun Melayu Minangkabau juga dilakukan oleh H. Idrus Hakimi dalam buku beliau yang bertajuk 1000 Pepatah-Petitih Mamang-Bidal Pantun-Gurindam (1988), H. Darwis dalam buku beliau Keajaiban Pantun Minang Arti dan Tafsir (2005) dan Erizal Ghani dalam bukunya Pantun Minangkabau dalam Perspektif Budaya dan Pendidikan (2010). Namun begitu, masih belum ada kajian yang melihat pantun masyarakat Melayu Minangkabau di Negeri Sembilan secara khusus daripada aspek lema. Aspek lema pantun Melayu Minangkabau mempunyai keunikan yang tersendiri. Justeru, ia memerlukan 'kepakaran' tertentu untuk khalayak memahami maksud serta mesej yang ingin disampaikan melalui pantun tersebut. Setiap lema dan leksem pantun Melayu Minangkabau mempunyai fungsi-fungsi yang tersendiri.

Kajian-kajian yang dijalankan tentang Teori Penghasilan Pertuturan Levelt hanya tertumpu pada bahasa Inggeris jika dilihat pada sorotan kajian lampau. Kebanyakan generalisasi dibuat berdasarkan penghasilan pertuturan bahasa Inggeris. Antaranya kajian yang dijalankan oleh A. Costa et al. Yang bertajuk Lexical Access in Speech Production: The Bilingual Case (2000) dan kajian oleh Jescheniak et al. Yang bertajuk Specific-Word Frequency Is Not All That Count in Speech Production: Comment on Caramazza, Costa et al. (2001) and New Experimental Data. Masih belum ada kajian yang berorientasikan pantun masyarakat Melayu Minangkabau dengan menggunakan Teori Penghasilan Pertuturan Levelt. Kajian tentang pantun masyarakat Melayu Minangkabau yang sedia ada lebih tertumpu pada aspek makna keseluruhan pantun antaranya

pantun budi, nasihat, kasih sayang, agama dan adat. Oleh yang demikian, kajian ini akan melihat bukan sahaja aspek kandungan tetapi juga dari sudut penghasilan pertuturan masyarakat Melayu Minangkabau.

Dari aspek pengumpulan pantun Melayu Minangkabau dan sejarah masyarakat Melayu Minangkabau pula, ia telah banyak dilakukan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu antaranya H. Idroes Hakimi, Rosli Saludin dan Norhalim Hj. Ibrahim. Namun begitu, pengolahan semula aspek lema dalam pantun Melayu Minangkabau yang mengandungi nilai murni belum pernah dilakukan oleh pengkaji terdahulu. Kebanyakan kajian hanya tertumpu kepada mesej atau makna keseluruhan yang terdapat dalam pantun Melayu Minangkabau.

Kajian tentang pantun Melayu Minangkabau yang lampau didapati tidak menjurus kepada aspek lema dalam pantun Melayu Minangkabau. Justeru itu, kajian ini dijalankan untuk mengisi lompong kajian lampau dan lebih menjurus ke arah kajian linguistik. Hasil kesusateraan seperti pantun adalah cerminan budaya masyarakat yang melahirkannya. Kebudayaan merujuk kepada cara hidup atau '*the way of life*' dan cara pemikiran sesebuah masyarakat. Penelitian terhadap pantun membolehkan kita menyelami cara pemikiran dan falsafah sesebuah masyarakat. Justeru, kajian tentang lema pantun Melayu Minangkabau wajar dijalankan untuk melestarikan pantun Melayu Minangkabau.

1.3 Objektif Kajian

Obejktif kajian untuk penyelidikan ini adalah seperti yang berikut:

- i. Menenal pasti lema dalam kandungan pantun Melayu Minangkabau;
- ii. Menghuraikan fungsi lemma dalam pantun Melayu Minangkabau mengikut analisis Teori Penghasilan Pertuturan Levelt;
- iii. Mengolah semula lema dalam pantun Melayu Minangkabau yang mengandungi nilai murni.

1.4 Kepentingan Kajian

Penyelidikan yang berkaitan dengan Lema dalam Pantun Melayu Minangkabau mengikut Analisis Teori Penghasilan Pertuturan Levelt, masih kurang dijalankan. Kajian yang dijalankan adalah bertujuan untuk menenal pasti aspek lema yang mempunyai maksud dan nilai murni mengikut model yang telah ditetapkan. Pengkaji menggunakan indikator yang telah ditetapkan KKMM (2014) dalam menentukan nilai murni yang terdapat dalam pantun Melayu Minangkabau. Terdapat 47 nilai murni yang akan menjadi garis panduan dalam mengkaji pantun Melayu Minangkabau.

Kajian ini penting untuk menenal pasti perbezaan dalam aspek lema dalam kandungan pantun Melayu Minangkabau. Ia bertujuan untuk memberi pencerahan kepada masyarakat dalam menenal pasti pantun Melayu Minangkabau

dan pantun Melayu yang masih lagi dituturkan. Selain itu, kajian ini juga amat penting dalam bidang pendidikan terutamanya dalam mengembangkan lagi bidang linguistik di Malaysia. Dalam usaha memperbanyakkan lagi kajian-kajian yang berteraskan ilmu linguistik, kajian ini dirasakan cukup relevan di samping mengekalkan warisan budaya Melayu. Melalui hasil kajian ini juga diharap akan dapat dijadikan bahan rujukan ilmiah. Di samping memperbanyak kajian dan bahan ilmiah dalam dunia penerbitan bahasa Melayu.

Kajian berkaitan analisis lema dalam pantun masyarakat Melayu Minangkabau ini juga penting dilakukan bagi memberi pengetahuan dan pemahaman kepada masyarakat luar tentang keunikan seni pantun Melayu Minangkabau di samping menghuraikan fungsi setiap lema yang terkandung dalam pantun Melayu Minangkabau. Keunikan ini lahir dalam bentuk lema bahasa Minangkabau. Lema yang terkandung dalam pantun Melayu Minangkabau walaupun pendek dan ringkas, namun mempunyai pemikiran, falsafah dan fungsi tertentu. Antaranya yang jelas seperti pantun Melayu Minangkabau di bawah:

Angkut-angkut terbang ke langit,
Sampai di langit dimakan merbah,
Biar tertangkap bumi dan langit,
Setia saya tak akan berubah.

Lema /*setia*/ dalam leksem '*setia saya tak akan berubah*' dalam pantun Melayu Minangkabau di atas jelas menyatakan tentang nilai murni 'kesetiaan'. Justeru, kajian ini penting dalam usaha menghuraikan fungsi-fungsi yang didukung oleh lema dan leksem dalam pantun Melayu Minangkabau mengikut analisis Pertuturan Levelt.

Pengolahan semula lema dalam pantun Melayu Minangkabau penting bagi melihat aspek kesesuaian dan keberkesanan lema dalam mengungkapkan nilai murni yang terkandung dalam pantun Melayu Minangkabau. Selain menyerlahkan perspektif masyarakat Melayu Minangkabau melalui warisan pantun meliputi aspek sosial, agama, budaya, ekonomi dan politik. Kajian ini juga bertujuan untuk memberi kesedaran kepada golongan belia agar mereka lebih peka dengan warisan budaya masyarakat Melayu terdahulu, termasuklah tradisi lisan masyarakat Melayu lama yang satu masa dahulu menjadi kebanggaan dan sering dituturkan dalam aktiviti komunikasi. Pantun Melayu Minangkabau dicipta oleh generasi terdahulu namun begitu, ia selaras dengan perkembangan zaman. Hal ini jelas terbukti menerusi pantun Melayu Minangkabau di bawah:

Yang elok dipakai,
Yang buruk dibuang,
Usang-usang diperbaharui,
Lapuk-lapuk dikajang.

Norhalim Hj. Ibrahim, 1993: 154

Leksem '*usang-usang diperbaharui*' jelas menyatakan bahawa jika sesuatu perkara itu sudah tidak sesuai lagi diamalkan, maka ia akan diperbaharui seiring dengan perkembangan semasa dan tidak bercanggah dengan ajaran Islam. Di samping itu, kajian ini dilaksanakan bukan hanya untuk mengolah lema dalam pantun Melayu Minangkabau, tetapi untuk memperincikan maksud, falsafah, dan pemikiran yang terkandung dalam pantun. Justeru itu, dengan kajian ini diharap dapat memupuk minat generasi baru dalam menghayati dan menghargai nilai warisan seni dan budaya masyarakat Melayu Minangkabau.

1.5 Batasan Kajian

Kajian ini tertumpu kepada usaha untuk mengkaji lema yang menunjukkan nilai-nilai murni dalam pantun masyarakat Melayu Minangkabau di Negeri Sembilan. Pengkaji telah membataskan kajian tentang pantun masyarakat Melayu Minangkabau berdasarkan aspek lema. Pengkaji menggunakan data korpus linguistik. Korpus linguistik merupakan bahan kajian linguistik iaitu kumpulan ujaran bertulis atau lisan yang digunakan untuk menyokong atau menguji sesuatu hipotesis.

Bagi aspek lema, pengkaji menggunakan pantun-pantun tradisi yang masih lagi dituturkan dalam kalangan masyarakat Melayu Minangkabau. Selain itu, aspek lema yang memiliki nilai-nilai murni akan dikenal pasti dan dianalisis. Aspek nilai murni ini dikaji bertujuan menggambarkan norma masyarakat Melayu Minangkabau di Negeri Sembilan yang kaya dengan adat dan terkenal dengan amalan adat Perpatih. Walau bagaimanapun, pantun tradisional Melayu Minangkabau agak asing bagi masyarakat hari ini. Oleh itu, kajian lapangan dilakukan bagi mengumpul dan mengkaji aspek lema yang mendukung nilai dalam pantun masyarakat Melayu Minangkabau di Negeri Sembilan.

1.6 Definisi Operasional

1.6.1 Lema

Lemma merupakan istilah Levelt (1999) yang merujuk kepada leksikal. Sebagai contoh, lema tentang kata 'papan hitam' menentukan bahawa perkataan itu ialah kata nama. Lema yang terdiri daripada kata nama boleh ditetapkan untuk parameter abstrak morfosintaksis nombor. Lema yang terdiri daripada kata kerja boleh ditetapkan sebagai tambahan kepada golongan kata dengan jenis hujah (misalnya, objek langsung dan tidak langsung) yang diambil oleh kata kerja itu. Lema mengandungi parameter bebas untuk menentukan ayat (seperti masa ini dan masa lampau), aspek (sempurna atau tidak sempurna), nombor (bentuk tunggal atau jamak), dan orang (pertama, kedua, atau ketiga). Semasa proses pengekodan perkataan-bentuk, lema da penentuan abstrak morfosintaksis digunakan untuk mendapatkan semula morfem dan segmen (bersama-sama membentuk leksem) yang sesuai dari leksikon minda. Sebagai contoh, untuk lema 'papan hitam' serta parameter tunggal, segmen morfem 'papan' dan 'hitam' didapatkan semula.

1.6.2 Pantun Melayu Minangkabau

Karangan berangkap yang mempunyai susunan perkataan dan suku kata yang tersusun. Contohnya seperti di bawah:

Berbelok-belok berpilin-pilin,
Bertunggak batang keladi,
Rupa yang elok kami tak ingin,
Budi baik yang kami cari.

Berbelok-belok pantau berenang,
Bercabang batang mengkudu,
Elok-elok di rantau orang,
Jangan pulang membawa malu.

Angkut-angkut terbang ke langit,
Sampai di langit dimakan merbah,
Biar tertangkap bumi dan langit,
Setia saya takkan berubah.

1.6.3 Melayu Minangkabau

Orang Minangkabau yang juga disebut Minang ialah kumpulan etnik nusantara yang berbahasa Minangkabau dan mengamalkan serta menjunjung adat Minangkabau di Negeri Sembilan.

1.6.4 Teori Penghasilan Pertuturan Levelt

Merupakan salah satu daripada model penghasilan pertuturan yang paling berpengaruh dalam bidang psikolinguistik dan dibangunkan oleh Levelt pada tahun 1999. Levelt melihat model tersebut sebagai perkembangan lurus empat peringkat, iaitu pembentukan konsep, formulator, artikulator, dan pemantauan konsep.

1.6.5 Nilai Murni

Nilai dapat kita ertikan sebagai satu konsep yang dijadikan asas oleh masyarakat untuk menilai, mengukur atau membuat pilihan terhadap sesuatu perkara. Nilai murni dipetik daripada 47 nilai murni untuk amalan rakyat Malaysia dalam buku Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) (2014). Antara nilai-nilai murni yang terkandung dalam buku KKMM ialah amanah, bertanggungjawab, ikhlas, benar, sederhana, tekun, bekerjasama, berperibadi mulia, bersyukur, bermuafakat, bertoleransi, merendah diri dan bertimbang rasa.

1.7 Kesimpulan

Secara tersirat, masyarakat Melayu Minangkabau di Negeri Sembilan telah memperlihatkan kekreatifan mereka dalam menghasilkan pantun Melayu Minangkabau. Kebanyakan generasi moden kini tidak begitu memahami dan mengetahui tentang pantun dan makna yang tersirat dalam serangkap pantun.

Kajian terhadap sejarah penghijrahan dan perkembangan bahasa Melayu Minangkabau telah dijelaskan secara rinci dalam bab ini. Manakala perbincangan tentang sastera Minangkabau seperti pantun, mantera dan randai telah banyak dilakukan oleh pengkaji terdahulu. Kajian ini diteruskan lagi dengan penelitian terhadap hasil-hasil kajian pengkaji terdahulu.



RUJUKAN

- Ahmad Usop. (1984). *Dondang Sayang seni tradisi negeri Melaka*. Melaka: Majlis Kebudayaan Negeri Melaka dan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan Malaysia.
- Asmah Haji Omar. (2008). *Ensklopedia Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Cady, J. F. (1964). *Southeast Asia: Its historical development*. New York: McGraw Hill Book Company.
- Djamaris, Edwar. (1991). *Tambo Minangkabau*. Jakarta: Balai Pustaka.
- Erizal Ghani. (2010). *Pantun Minangkabau dalam perspektif budaya dan pendidikan*. Padang: UNP Press.
- Ernawita Atan. (2011). Kajian rintis Bahasa Minangkabau. Dlm. *Kedinamikan Bahasa dalam Budaya: Isu & Trend*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Gorys Keraf. (1984). *Linguistik Bandingan Historis*. Jakarta: PT Gramedia.
- H. Idrus Hakimy, (1997). *Pegangan Penghulu, bundo kanduang, pidato alua pasambahan di Minangkabau* (cetakan Ke-8). Bandung: PT Remaja Rosdakarya.
- H Darwis SN Sutan Sati. (2005). *Keajaiban pantun Minang: Arti dan Tafsir*. Bogor: Ar Rahmah.
- Hashim Haji Musa. (2008). *Hati Budi Melayu: Pengukuhan menghadapi cabaran abad ke-21*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Laurent Metzger. (2009). *Nilai-nilai Melayu: Satu sudut pandangan orang luar*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Marsden. (1881). *History of Sumatra*. London: Longman.
- Maniyamin Ibrahim. (2009). *Konteks dan sastera budaya Melayu*. Shah Alam: Karisma Publication Sdn. Bhd.
- Muhammad Rashidi Abdullah. (2011). *Travelog hidayah*. Selangor: PTS Islamika Sdn. Bhd.
- Mohd Rashid Md Idris. (2011). *Nilai Melayu dalam pantun*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

- Mohd Rosli Saludin. (2007). *Nilai-nilai Islam dalam teromba*. Penang: Goal Intelligent Publishing Sdn. Bhd.
- Mohd Rosli Saludin. (2009). *Teromba sebagai alat komunikasi dalam kepimpinan Adat Perpatih*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Norazit Selat. (2006). Perbilangan adat sebagai pembentuk jati diri Melayu Dlm. Rogayah A. Hamid & Jumaah Ilias, *Pandangan semesta Melayu: Pantun* (hlm. 35-55). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Navis, A. A. (1984), *Alam berkembang jadi guru: Adat dan kebudayaan Minangkabau*. Jakarta: PT. Grafiti Pers.
- Nik Safiah Karim. (2006). *Keindahan Bahasa Melayu dalam pantun*. Dlm. Rogayah A. Hamid & Jumaah Ilias, *Pandangan semesta Melayu: Pantun* (hlm. 136-153). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa & Abdul Hamid Mahmood. (2008). *Tatabahasa Dewan (edisi ke-3)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nilai-nilai murni dan budi bahasa*. (2014). Kuala Lumpur: Bahagian Penerbitan Dasar Negara, Jabatan Penerangan Malaysia, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia.
- Rais Yatim. (2013). *Pantun dan bahasa indah: Jendela Budaya Melayu*. Endowment Publication.
- Salinah Jaafar. (2005). Fungsi leksikal 'bunga' dalam simpulan bahasa dan peribahasa Bahasa Melayu. *Jurnal Bahasa*, 5(4). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shuhairimi Abdullah. (2009). *Dinamisme nilai-nilai murni menurut perspektif Islam*. Kangar: Universiti Malaysia Perlis.
- Zuraiti. (2007). *Undang-undang Minangkabau dalam Perspektif ulama sufi*. Padang: Fakultas Sastra Universitas Andalas.

BIODATA PELAJAR

Azyantee Mohd Zawawi menamatkan pengajian ijazah Bachelo Sastera (Pengkhususan Bahasa & Linguistik Melayu) di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia pada tahun 2011. Kini, beliau merupakan pelajar Master Sastera Bahasa Melayu seliaan Prof. Madya Dr. Noor Aina Bt Dani.



SENARAI PENERBITAN

Azyantee Mohd Zawawi. (2013). Amalan Tabu dalam Suku Mah Meri Tanjung Sepat, Banting, Selangor. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 6(1), 155-168.

Mohd Izwardi Mohd Yusoff, Azyantee Mohd Zawawi & Saidatul Faiqah Samasu. (2013). Bahasa Melayu di IPTS: Bawang Merah yang Dianaktirikan. *Jurnal Bahasa*, 29, 74-91.





UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

PENGESAHAN STATUS UNTUK TESIS/LAPORAN PROJEK DAN HAKCIPTA

SESI AKADEMIK : _____

TAJUK TESIS/LAPORAN PROJEK :

LEMA DALAM PANTUN MELAYU MINANGKABA

NAMA PELAJAR : AZYANTEE BINTI MOHD ZAWAWI

Saya mengaku bahawa hakcipta dan harta intelek tesis/laporan projek ini adalah milik Universiti Putra Malaysia dan bersetuju disimpan di Perpustakaan UPM dengan syarat-syarat berikut :

1. Tesis/laporan projek adalah hak milik Universiti Putra Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan akademik sahaja.
3. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia dibenarkan untuk membuat salinan tesis/laporan projek ini sebagai bahan pertukaran Institusi Pengajian Tinggi.

Tesis/laporan projek ini diklasifikasi sebagai :

*sila tandakan (v)

SULIT

(mengandungi maklumat di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

TERHAD

(mengandungi maklumat yang dihadkan edaran Kepada umum oleh organisasi/institusi di mana penyelidikan telah dijalankan)

AKSES TERBUKA

Saya bersetuju tesis/laporan projek ini dibenarkan Diakses oleh umum dalam bentuk bercetak atau atas talian.

Tesis ini akan dibuat permohonan :

PATEN

Embargo _____ hingga _____
(tarikh) (tarikh)

Pengesahan oleh:

(Tandatangan Pelajar)
No Kad Pengenalan / No Pasport.:

Tarikh :

(Tandatangan Pengerusi Jawatankuasa Penyelesaian)
Nama:

Tarikh :

[Nota : Sekiranya tesis/laporan projek ini SULIT atau TERHAD, sila sertakan surat dari organisasi/institusi tersebut yang dinyatakan tempoh masa dan sebab bahan adalah sulit atau terhad.]